

# Mahathir gesa rakyat

## kerja kuat

Elakkan diri dari ditakluki orang lain

UM 20 AUG 1982

**K**OTA BAHARU 19 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa rakyat negara ini supaya bekerja kuat dalam apa bidang sekalipun untuk mengelakkan diri daripada ditakluki secara tidak langsung oleh orang lain.

Perdana Menteri menegaskan, rakyat haruslah bekerja kuat dalam konteks untuk membangunkan negara mereka dan tidak patut mengambil berat sangat tentang pendapatan.

Berucap merasmikan Konvensyen UMNO Negeri Kelantan di Kem Kijang dekat sini, beliau berkata, sekiranya berbagai kerja di negara ini dibiarkan diusahakan oleh orang lain, maka rakyat Malaysia sendiri akan menghadapi banyak masalah.

"Jika dibiarkan demikian, satu hari nanti kita akan mendapati bahawa kita tidak dapat bergerak tanpa pertolongan orang lain dan kebebasan kita juga akan hilang," tambahnya.

Beliau memberi contoh di negara-negara Arab di mana pembangunan dilaksanakan dengan wang ringgit sendiri tetapi dengan tenaga orang asing (bukan Arab).

Perdana Menteri seterusnya juga menyatakan bahawa sejarah telah menunjukkan yang negara ini menjadi berbilang kaum adalah "kerana orang-orang asing dibawa masuk akibat dari keengganan orang Melayu bekerja dalam bidang perlombongan dan perladangan."

Katanya lagi, sekiranya kita tidak bekerja kuat hari ini, maka negara ini akan menghadapi masalah yang lebih banyak apabila ramai orang asing berhijrah ke sini.

Datuk Sri Dr. Mahathir bagaimanapun menegaskan bahawa negara ini tidak merasa khuatir dengan bilangan orang asing yang sudah tinggal di sini dan bertaat setia.

Akan tetapi, tambah beliau, orang Melayu

Oleh: DOUGLAS TAY

khususnya akan menjadi lemah dan ketinggalan jika semua kerja yang sepatutnya dibuat oleh mereka sendiri telah dibiarkan untuk diusahakan orang lain.

Dalam ucapannya, beliau juga menegur sebilangan rakyat Malaysia, termasuk anak-anak Kelantan yang berhijrah ke negara-negara lain untuk mencari pekerjaan.

"Mungkin mereka memperoleh pendapatan yang lumayan di sana, tetapi mereka bukan berkhidmat untuk membangunkan negara diri sendiri," tegasnya.

### Meneliti kejayaan

Beliau menyeru rakyat yang ingin berhijrah supaya bergerak dalam negeri-negeri di Malaysia sahaja supaya mereka dapat menyumbangkan tenaga kepada pembangunan tanahair mereka.

Perdana Menteri berkata, dalam 25 tahun ini Malaysia telah mencapai kejayaan-kejayaan yang jauh lebih banyak daripada kegagalan.

Beliau menjelaskan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai itu adalah hasil daripada minat yang ditunjukkan oleh rakyat.

"Kita mencapai kejayaan itu kerana kita tidak lalai dan kita sanggup menghabiskan wang dan masa untuk menentukan segala kerja yang kita lakukan," tambahnya.

Beliau berharap minat dan semangat tersebut akan diterus dan dkekalkan oleh rakyat seluruhnya.

Sempena perayaan ulangtahun ke-25 kemer-

dekaan ini, Perdana Menteri mengajak rakyat Malaysia supaya menoleh ke belakang untuk meneliti kejayaan dan kegagalan mereka.

Katanya, sejarah sesuatu bangsa itu akan menjadikan panduan kepada masa depan bangsa itu dan oleh itu sejarah tidak harus dilupakan.

Kepada ahli-ahli UMNO, beliau yang juga Presiden parti menggesa mereka supaya mengkaji kemampuan dan usaha diri sendiri selain menyuatkan pendapat mengenai usaha-usaha orang lain atau kerajaan.

Beliau mahu mereka menyoal apa yang boleh mereka buat di samping menyeru kerajaan dan pucuk pimpinan membuat itu dan ini.

Menurut beliau, sekiranya ahli-ahli UMNO boleh membuat usaha sendiri untuk menyelesaikan masalah-masalah selain menyokong UMNO dengan kuat, "mereka akan mencapai kejayaan yang lebih besar bagi negara, agama dan bangsa."

Mengenai Konvensyen UMNO pula, Presiden Parti itu menjelaskan bahawa forum tersebut adalah untuk ahli-ahli menyuatkan pendapat yang tidak dapat disampaikan dalam perhimpunan agung tahunan kebangsaan parti.

Melalui konvensyen, beliau berkata pendapat dan hasrat rakyat akan dapat dikemukakan kepada pucuk pimpinan untuk perhatian, tetapi beliau mengingatkan ahli-ahli parti tentang ketidamungkinan semua pendapat itu terpenuhi.

Perdana Menteri seterusnya meminta ahli-ahli parti pemerintah supaya menyalurkan kritikan mereka melalui wakil-wakil, untuk mengelakkan parti-parti lawan yang tiada modal dan bankrap itu daripada mengambil kesempatan.

Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamad Yaakob dan orang-orang kenamaan lain.